

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

**From:** Awang Had Salleh Graduate School  
**Sent:** 16 Mac 2017 15:29  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Prof. Dr. Norshuhada Bt Shiratuddin  
**Subject:** TAKLIMAT KEMUDAHAN MICROSOFT 365



Awang Had Salleh  
Graduate School  
of Arts And Sciences  
*Sempang Melayu di Rantau Persempitan*  
Universiti Utara Malaysia



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

16 MAC 2017 / 17 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

### TAKLIMAT KEMUDAHAN MICROSOFT 365



**AHSGS ONLINE:** 16 Mac 2017, Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS) telah didedahkan dengan kemudahan menggunakan Microsoft 365 oleh “team UUMIT” bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, AHSGS. Microsoft 365 merupakan perkhidmatan dalam talian berkonsep awan (*cloud*) yang menawarkan pakej aplikasi merangkumi Microsoft Word, Excel, Power Point dan *OneNote*. Ia juga merupakan perkhidmatan yang menyokong pembelajaran untuk memudahkan penyampaian maklumat dan pembelajaran dapat dilakukan dengan lebih berkesan terutamanya antara staf, pensyarah dan pelajar.

Semua staf terlibat berjaya mendaftar sebagai pengguna dan boleh mengakses serta menggunakan kesemua aplikasi berasaskan web ini secara percuma. Semua aplikasi berkenaan disimpan di Pangkalan Data Microsoft. Pengguna juga diberikan storan awan sebanyak 1 terabyte (TB) untuk menyimpan fail dan ianya boleh diakses di mana sahaja melalui internet dan boleh dikongsi sesama individu atau kumpulan.

Bukan itu sahaja, setiap akaun yang dicipta diberikan 5 lesen bagi memasang Office 365 pada pelbagai peranti (*device*) dan sesuai untuk sistem pengoperasian Windows dan Mac. Pengguna akan mempunyai aplikasi yang terkini merangkumi Word, Excel, Power Point, OneNote, OneDrive, Newsfeed, Sites dan Delve. Aplikasi ini juga mempunyai kelebihan secara *offline* dan sekiranya talian internet diaktifkan, maka segala kerja yang telah dilakukan akan diselaraskan (*synchronize*) secara automatik.

Microsoft 365 juga adalah salah satu pelan langganan pemudah cara dengan *application* “*Skype for business*” di mana staf dapat menjimatkan masa dalam urusan mesyuarat, seminar, kursus dan sebagainya kerana tidak perlu membuat temujanji sesama ahli untuk bermesyuarat. Melalui *application* ini ahli dapat bermesyuarat secara *online* sahaja.

Secara keseluruhannya Microsoft 365 banyak memberi manfaat dan kemudahan kepada semua pengguna.

Seluruh warga AHSGS mengucapkan ribuan terima kasih kepada “team UUMIT” yang banyak membantu dan memberi kerjasama sepenuhnya terhadap penggunaan Microsoft 365 ini.

Sekian.

=====

**DARIPADA:**

Unit Kualiti dan Akreditasi  
Awang Had Salleh Graduate School  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
MALAYSIA  
Tel: 04-928 5252/5268



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.